

RPW 552 - Pentadbiran dan Pengurusan Perancangan

Tarikh: 8 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

1. Apakah Pelan Pembangunan? Huraikan secara ringkas skop dan kandungan pelan-pelan pembangunan yang dikehendaki disediakan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

(25 markah)
2. Anda ialah seorang pengurus sebuah syarikat Perunding Perancangan. Syarikat anda telah berjaya dilantik membuat Kajian Pelan Induk Negeri "Noplanning". Huraikan tugas-tugas dan langkah-langkah yang perlu anda lakukan bagi menjayakan tanggungjawab ini.

(25 markah)
3. Bincangkan kebaikan dan keburukan FMS Cap 137 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dalam menggalakkan Objektif Perancangan. Anda boleh merujuk kepada Ordinan dan Akta tersebut.

(25 markah)
4. Jelaskan peranan Jabatan Perancang Bandar dan Desa dalam pentadbiran Perancangan dan beri pendapat anda tentang kebaikan dan keburukan Jabatan ini jika diletakkan di bawah sesuatu Kementerian/Agensi Perancangan yang anda fikir sesuai.

(25 markah)

5. Huraikan proses pengawalan pembangunan atau peringkat-peringkat serta proses yang harus dilalui oleh sesebuah permohonan perancangan sebelum kebenaran perancangan boleh diluluskan oleh sesebuah Penguasa Tempatan.

(25 markah)

6. "Boleh dikatakan bahawa berbagai masalah perancangan timbul kerana terdapat berbagai Jabatan/Agensi Perancangan Kerajaan yang saling bertindih fungsi dan peranannya". Bincangkan kenyataan ini dengan memberi contoh dan sebab-sebab terjadi demikian. Beri pandangan anda tentang cara-cara bagi menyelesaikan perkara ini.

(25 markah)

-ooo00ooo-